



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di **Kedah Darul Aman** dan **MPSPK** yang masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	32 / 2019 (KEJ)	Menaiktaraf Medan Selera Jalan Dewa, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G2 Kategori B Pengkhususan B04	Aras G, Ruang Legar Auditorium MPSPK	9.30 pagi	24/04/2019 (Rabu) Kontraktor diwajibkan mendengar taklimat
2.	33 / 2019 (KEJ)	Cadangan Menaiktaraf Dewan Kenangan dan Kemudahan Sukan MPSPK, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G2 Kategori B Pengkhususan B04	Aras G, Ruang Legar Auditorium MPSPK	9.30 pagi	24/04/2019 (Rabu) Kontraktor diwajibkan mendengar taklimat

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

HARGA DOKUMEN : RM 10.00 SENASKAH (TUNAI)

Dokumen tawaran ini boleh didapati di Jabatan Kewangan, Seksyen Perolehan, Tingkat 4, Menara MPSPK mulai **24 April 2019 (Rabu)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad hingga Rabu	:	8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
		2.15 petang hingga 4.45 petang
Khamis	:	8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
		2.15 petang hingga 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **30 April 2019 (Selasa)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.